

02/02/1997

Kontroversi balak belum selesai

Lichong Angkui

KONTROVERSI mengenai isu penyeludupan balak di Sabah sudah dua minggu berlalu, tetapi sehingga kini belum ada tanda-tanda penyelesaian berkekalan dapat dicapai dalam tempoh terdekat ini.

Meskipun jawatankuasa penyiasat peringkat Kabinet negeri sudah menamatkan siasatan dan mengemukakan laporan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta kerajaan Sabah, tidak kelihatan sebarang tindakan konkrit dilaksanakan bagi menangani isu berkenaan. Cuma yang pasti, semakin hari ia semakin reda, manakala balak yang dirampas khabarnya akan dilelong oleh kerajaan negeri.

Balak itu dirampas oleh Jabatan Perhutanan di Teluk Wallace, Pulau Sebatik, Tawau, ketika dipunggah ke sebuah kapal kargo, pada 17 Januari lalu. Siasatan berikutnya mendapati enam kapal kargo lain berjaya melepaskan diri ke perairan antarabangsa, manakala nilai balak yang dibawa dan royaltinya tidak diketahui.

Jawatankuasa penyiasat peringkat Kabinet negeri yang dipengerusikan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Abdul Ghapur Salleh, sudah membentangkan hasil siasatannya kepada Kabinet negeri, Rabu lalu, sehari selepas Anwar mengarahkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyiasat isu itu.

Dalam konteks ini, BPR sebagai agensi bebas dan berkecuali pasti menjalankan siasatan menyeluruh dan tidak akan memihak kepada sesiapa. Agensi itu memang diakui kecekapan dan kepantasannya dalam menyiasat sampai ke peringkat akar umbi, seperti terbukti dalam beberapa kes sebelum ini.

Begitu juga dengan polis Sabah yang turut menubuhkan pasukan khas menyiasat sendiri berdasarkan laporan yang dibuat oleh Jabatan Perhutanan. Pembabitan BPR dan polis diharap dapat memberi jawapan terhadap beberapa persoalan yang berbangkit lebih awal lagi.

Sementara BPR menumpukan siasatan terhadap aspek dan unsur rasuah, penyelewengan dan salah laku, polis pula memberi perhatian kepada perlakuan jenayah dan aspek berkaitan. Siasatan akan mencakupi semua sudut.

Bermakna laporan jawatankuasa penyiasat peringkat Kabinet negeri yang ditubuhkan kerajaan Sabah baru-baru ini, akan dapat ditentukan kesahihannya. Di peringkat Persekutuan, siasatan berasingan turut dijalankan dan sebuah jawatankuasa khas dibentuk dengan diselaraskan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Operasi), Datuk Shahbuddin Imam Muhammad.

Sememangnya semua pihak berharap isu itu tidak senyap begitu saja. Namun, kontroversi isu berkenaan sebaliknya mencetuskan pertikaian terbuka dan perang mulut di antara pemimpin negeri, khususnya Ghapur dengan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Ghapur mendakwa MTIB tahu mengenai kemasukan balak Indonesia secara haram ke Sabah serta penebangan balak di negeri itu untuk diseludup keluar, tetapi Dr Lim menegaskan kementerianya tidak pernah mengeluarkan permit untuk mengekspor balak di Sabah.

Dari situ, timbul pula perbincangan pertindihan fungsi MTIB dan Jabatan Perhutanan. Justeru, kerajaan negeri difahamkan akan berbincang dengan Kementerian Perusahaan Utama mengenai kesesuaian fungsi pejabat MTIB di Sabah.

Apa pun hasil perbincangan itu nanti, kita berharap soal pertindihan

fungsi kedua-dua badan itu dan perang mulut di antara Ghapur dan Dr Lim, tidaklah sampai mengalihkan persoalan utama isu berkenaan. Sesungguhnya semua pihak tentu mengharapkan tidak ada yang cuba diselindung atau disembunyikan di sebalik isu penyeludupan balak itu, meskipun ia membawa implikasi politik.

(END)